

PENGAJARAN

Berdasarkan novel Pelari Muda karya Ghazali Ngah Azia, terdapat beberapa _____ yang boleh diambil pembaca dalam menjalani kehidupan seharian.

Antaranya ialah kita hendaklah _____ dalam kehidupan agar tugas yang dipikul dapat dilaksanakan dengan berkesan. Contohnya, Sures dan Suradi yang berdisiplin dan sentiasa _____ dengan arahan jurulatih mereka telah menjadikan mereka sebagai atlet yang berprestij.

Selain itu, kita perlulah _____ orang lain supaya kita tidak bersikap _____. Misalnya, Kamarul yang sudah popular telah melupakan jasa Cikgu Zainal dan Encik Kadir yang telah menjadikannya jaguh pecut. Sikap sombong ini telah menyebabkan dirinya tidak disenangi oleh rakan-rakannya. Oleh itu, kita patutlah menghargai jasa supaya tidak bersikap _____ seperti Kamarul.

Akhir sekali, kita wajarlah _____ supaya kita tidak terus melakukan kesalahan itu lagi. Amsalnya, Kamarul yang terlantar di hospital telah insaf dan sedar akan sikapnya yang kasar terhadap jurulatihnya itu. Kamarul akhirnya kembali menjadi pelatih yang berdisiplin dan _____ jurulatihnya sehinggakan dia berjaya menjadi juara dalam acara yang disertainya.

akur	berdisiplin	insaf akan kesilapan	menghargai jasa dan budi baik	patuh akan arahan	pengajaran
bongkak dan hidung tinggi	angkuh				

PERSOALAN

Berdasarkan novel yang saya kaji ketika tingkatan satu yakni Pelari Muda karya Ghazali Ngah Azia, terdapat beberapa _____ di dalam novel ini.

Antaranya adalah persoalan _____ telah menjadikan seseorang itu lupa daratan. Contohnya, Kamarul telah berlaku _____ selepas dia berjaya mewakili negara dalam Kejohanan Sukan SEA di Brunei. Dia sengaja mengundurkan diri daripada menghadiri latihan di bawah bimbingan jurulatihnya, Encik Kadir dan bersikap tidak endah terhadap kawan-kawan seperjuangannya yang lain.

Selain itu, adalah persoalan _____ seorang sahabat menegur demi kebaikan. Contohnya, Saridah berani menegur Kamarul yang telah _____ apabila menjadi seorang yang popular. Keberanian Saridah ini telah menyebabkan hubungannya dengan Kamarul menjadi _____.

Akhir sekali, adalah persoalan _____ yang mantap menjadi kunci untuk menggenggam kejayaan. Contohnya, kecergasan Kamarul merosot sehingga dia kalah kepada Sures dan Suradi yang tidak pernah berjaya mengalahkannya sebelum ini. Hal ini disebabkan oleh sikap Kamarul yang selalu _____ dan kurang berdisiplin. Akan tetapi, selepas terlibat dalam kemalangan, dia insaf akan perbuatannya dan menebus kesilapannya kepada Encik Kadir dengan menghadirkan diri semasa sesi latihan. Akhirnya, hasil disiplinnya menghadiri latihan, Kamarul berjaya memenangi acara 400 meter.

persoalan	tegang	ponteng latihan	kemasyuran diri	bersikap sombong	disiplin diri
keberanian	sombong dan angkuh				